

Barang tiruan RM1.09 juta dilupus

Nilai Pelbagai barangan tiruan dianggarkan bernilai RM1.09 juta dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam.

Program Pelupusan Barang Rampasan itu disempurnakan Timbalan Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Rosli Ahmad, di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP.

Rosli berkata, pelupusan barang itu membabitkan 33 kes sitaan yang dilakukan KPDNHEP mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 bagi pelupusan ekshibit siri keenam.

Katanya, barangan yang dilupuskan membabitkan beg tangan, beg galas, dompet, kasut, aksesori telefon, toner, katrij dan arak yang dirampas atas kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

